

**SEMINAR ISU-ISU MAHKAMAH SYARIAH**

**PENTADBIRAN KEADILAN JENAYAH  
DI MAHKAMAH SYARIAH**

*Penyunting*  
**Shamrahayu A. Aziz**

SEMINAR ISU-ISU MAHKAMAH SYARIAH

**PENTADBIRAN KEADILAN JENAYAH  
DI MAHKAMAH SYARIAH**

*Penyunting*  
**Shamrahayu A. Aziz**



**IIUM Press**

Diterbitkan oleh/*Published by:*  
**Penerbit UIAM/IIUM Press**  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
*International Islamic University Malaysia*

*Edisi Pertama, 2009/First Edition, 2009*  
©Penerbit UIAM/IIUM Press

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit, UIAM terlebih dahulu.

*All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, stored in a retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording, or otherwise, without prior written permission of the publisher.*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan/  
*Cataloguing-in-Publication Data*

Pentadbiran Keadilan Jenayah di Mahkamah Syariah Malaysia/  
penyunting Shamrahayu A. Aziz  
ISBN 978-967-5272-91-2

ISBN: 978-967-5272-91-2

# Kandungan

<b>Senarai Statut</b>	<b>vii</b>
<b>Senarai Arahan Amalan</b>	<b>viii</b>
<b>Senarai Kes</b>	<b>ix</b>
<b>Prakata</b>	<b>xi</b>
<b>Pendahuluan</b>	<b>xiii</b>
<b>Bab 1</b>	
<b>Ucaptama Ketua Polis Negara</b>	
<i>YDH Tan Sri Dato' Sri Musa Dato' Hassan</i>	1
<b>Bab 2</b>	
<b>Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah Menurut Perlembagaan</b>	
<i>Farid Sufian Shuaib</i>	7
<b>Bab 3</b>	
<b>Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah</b>	
<i>YA Dato' Hj Muhammad Asri Bin Hj Abdullah</i>	21
<b>Bab 4</b>	
<b>Isu-Isu Terkini Kesalahan-Kesalahan Jenayah di Mahkamah Syariah</b>	
<i>Nasimah Husin</i>	37
<b>Bab 5</b>	
<b>Penguatkuasaan Jenayah Syariah dalam Konteks Perundangan</b>	
<i>Shamrahayu A. Aziz</i>	51
<b>Bab 6</b>	
<b>Amalan Pendakwaan di Mahkamah Syariah</b>	
<i>Tuan Haji Sakaria Semela</i>	61
<b>Bab 7</b>	
<b>Keterangan Forensik dalam Sistem Perundangan Islam</b>	
<i>Zulfakar Ramlee</i>	71
<b>Penutup</b>	<b>79</b>



## **Senarai Statut**

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997  
Akta Keterangan Mahkamah Syariah (WP) 1997  
Akta Mahkamah Rendah 1948  
Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Disemak 1988)  
Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993  
Akta Polis 1967  
Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997  
Akta Senjata Api 1960

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 sek. 35  
Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004  
Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004  
Enakmen Mahkamah Syariah (Selangor) 2003  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Pahang) 1982  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 Enakmen Tatacara Jenayah  
Syariah (Sabah) 2004  
Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' (Negeri Sembilan) 1991 (No 1 Tahun 1991)  
Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Sembilan) 2003 Enakmen Tatacara Jenayah

Kanun Kesiksaan

Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak)

Perlembagaan Negeri Trengganu  
Perlembagaan Negeri Johor  
Perlembagaan Persekutuan

## **Senarai Arahan Amalan**

Arahan Amalan Mahkamah Syariah Negeri Sabah tahun 2000 – 2005  
Arahan Ketua Pendakwa Syarie Negeri Sabah 2007

## Senarai Kes

- Abdul Aziz Musa @ Harun Suman dan Hamimah Bt Abdullah lwn. Pendakwa Syarie JAIP (2003) 16 JH 197
- Bashirah bt Abdullah lwn. Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (1991) 7 JH 213
- Che Omar bin Che Soh v Public Prosecutor [1988] 2 MLJ 55
- Dato' Kadar Shah bin Tun Sulaiman lwn Datin Fauziah binti Haron [2008] 7 MLJ 779
- Kamariah bte Ali v Kerajaan Negeri Kelantan, Malaysia dan Yang Lain (dan 3 Rayuan Yang Lain) [2002] 3 CLJ 766
- Mamat bin Daud & Ors lwn. Government of Malaysia [1988] 1MLJ 119
- Meor Atiqulrahman Ishak dan yang lain lwn. Fatimah Sihi dan yang lain [2000] 1 CLJ 393
- Pendakwa Syarie Kelantan lwn. Mohamad b. Sabu (1997) 11 JH 61
- Pendakwa Syarie Kelantan lwn. Mat Rahim and Nik Azimah (1994) 9 JH 195
- Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn. Rosli bin Abdul Japar (2007) 23JH 237
- Rusidah Abdul Ghani lwn Pendakwa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (1991) 7 JH 207
- Sukma Darmawan Sasmitaat Madja lwn. Ketua Pengarah Penjara Malaysia [1999] 1 CLJ 481
- Sulaiman bin Takrib lwn. Kerajaan Negeri Terengganu (Kerajaan Malaysia, pencelah) and permohonan-permohonan lain [2009] 6 MLJ 354

## Prakata

Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah ialah siri seminar yang dianjurkan oleh Jabatan Undang-Undang Islam, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Kertas-kertas kerja yang disunting di dalam buku ini merupakan sebahagian daripada kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan di Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah Kesepuluh. Seminar yang kesepuluh ini telah dianjurkan pada 12 hingga 13 November 2008 dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan tema Ke arah Memperkasa Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah di Malaysia. Ia telah dirasmikan oleh Ketua Pengarah JKSM, YAA Tan Sri Haji Ibrahim bin Haji Lembut dan satu ucapan telah disampaikan oleh YDH Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Haji Hassan (sekarang mantan).

Secara umumnya tujuan utama seminar yang telah dianjurkan ini ialah untuk menghimpunkan para cendekiawan dan para pengamal di mahkamah Syariah bagi membincangkan secara intelektual mengenai isu-isu berkaitan sistem pentadbiran keadilan jenayah Syariah di negara ini. Di samping memberi kefahaman kepada masyarakat, seminar ini juga telah menjadi platform bagi institusi-institusi terlibat dan para pengamal mengenal pasti masalah di dalam pentadbiran keadilan jenayah Syariah dan seterusnya berusaha mencari jalan penyelesaiannya.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ketua Jabatan Undang-Undang Islam, AIKOL, Dr. Badruddin Ibrahim kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menyunting kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan. Saya mengambil tugas ini dengan kesedaran bahawa penerbitan sebegini amat bermanfaat kepada khalayak umum. Ia bertujuan untuk menyampaikan kepada khalayak mengenai perbincangan yang telah diadakan di dalam seminar dan seterusnya apa juga maklumat dan cadangan yang lahir daripada seminar dapat memberi manfaat kepada khalayak yang lebih luas. Ini adalah antara sumbangan atau buah tangan yang dapat pihak Jabatan Undang-Undang Islam, AIKOL dan IIUM berikan kepada masyarakat dalam membentuk masyarakat berpengetahuan dan berfikiran kritis.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Dekan AIKOL ketika itu, iaitu Datuk Paduka Prof. Dr. Zaleha Kamarudin dan Dekan AIKOL ketika ini, Prof. Dr. Mohamad Akram Shair kerana sumbangan beliau kepada seminar dan penerbitan ini. Setinggi-tinggi tahniah kepada semua ahli jawatankuasa seminar, terutamanya pengarah seminar, Dr. Mohd. Asmadi Abdullah dan setiausaha program, Dr. Ramizah Wan Muhammad kerana telah berjaya menganjurkan seminar penting dan besar sebegini sehingga telah menarik minat ramai peserta. Ucapan yang sama saya berikan kepada pihak JKSM atas sokongan dan penglibatan secara langsung dalam penganjuran seminar ini. Silaturahmi antara kedua institusi, AIKOL IIUM dan JKSM amat penting bagi kepentingan Islam di negara ini umumnya dan pembangunan modal insan dan institusi Islam khususnya. Semoga Seminar Isu-Isu Mahkamah Syariah sentiasa mendapat sokongan semua pihak dan institusi-institusi berkaitan yang lain.

Shamrahayu A. Aziz  
Gombak, Selangor

## Pendahuluan

Pentadbiran keadilan jenayah merupakan isu penting dalam setiap masyarakat. Ia memainkan peranan penting dalam menjamin kesejahteraan masyarakat melalui penguatkuasaan undang-undang jenayah. Untuk memastikan masyarakat keseluruhannya, orang yang disyakki, orang yang dituduh dan orang telah dibuktikan bersalah dilayan sebaik mungkin dengan mengambil kira hak-hak mereka, satu sistem keadilan perlu diadakan. Ia sebenarnya isu yang tidak pernah lekang daripada debat dan kontroversi. Ini adalah lumrah kerana pentadbiran keadilan jenayah Syariah melibatkan hak dan kehormatan seseorang. Selain daripada itu, ia juga begitu dekat dan mempunyai kesan secara langsung ke atas masyarakat. Dalam keadaan ini, banyak institusi terlibat, seperti penguatkuasaan, umpama penguat kuasa agama dan polis, bahagian pendakwaan, mahkamah, penjara dan juga masyarakat iu sendiri. Inilah antara perkara yang diketengahkan di dalam seminara menerusi kertas-kertas kerja yang telah dibentangkan.

Bagi menepati tema seminar, iaitu Memperkasa Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah, banyak pembentangan telah dibuat oleh mereka yang pakar di dalam bidang berkaitan. Walaupun terdapat dua belas pembentangan kertas kerja, bagi tujuan penyuntingan ini, hanya separuh daripada bilangan tersebut dapat dikumpulkan. Ini kerana sesetengah pembentangan menerusi slide power point yang tidak dapat saya olah menjadi satu bentuk esei bagi tujuan suntingan ini.

Saya menyusun bab-bab di dalam buku ini menurut urutan isu-isu yang telah di bincangkan di dalam seminar.

Ucaptive YDH Ketua Polis menjadi bab pertama. Ucaptive ini diberi tajuk tema seminar, iaitu 'Memperkasa pentadbiran Keadilan Jenayah di Mahkamah Syariah: Peranan Polis Diraja Malaysia'. Mantan KPN telah memberikan banyak harapan kepada kerjasama yang lebih mantap antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan penguat kuasa agama dalam mengendalikan kes-kes berkaitan jenayah Syariah. KPN juga menegaskan keterlibatan secara langsung pasukan polis dalam membenteras jenayah yang menggunakan topeng agama. Sebagaimana diketahui umum, PDRM telah terlibat secara langsung dalam kes-kes yang mengancam keselamatan dan ketenteraman awam, seperti al-Arqam, al-Maunah dan Jama'ah Islamiah. Penggubalan undang-undang prosedur jenayah yang sistematik dan memberi kuasa yang begitu jelas kepada pasukan polis dapat memudahkan penglibatan pasukan polis di dalam penguatkuasaan jeanyah syariah dan juga pentadbiran keadilan jenayah di mahkamah Syariah. Sememangnya kita tidak dapat menafikan penglibatan pasukan polis di dalam keadaan ini, malah juga telah terlibat secara langsung di dalam pentadbiran keadilan jenayah di mahkamah Syariah.

Bab kedua diisi dengan tulisan Profesor Madya Dr. Farid Sufian Shuaib. Bidang kepakaran Profesor Madya Dr. Farid Sufian ialah sistem undang-undang Malaysia. Beliau juga aktif menulis berkenaan isu-isu perlembagaan. Beliau telah menerbitkan edisi kedua buku 'Powers and Jurisdiction of Syariah Courts in Malaysia'. Sempena seminar Pentadbiran Keadilan

Jenayah di Mahkamah Syariah, Dr. Farid Sufian telah membentangkan kertas kerja bertajuk Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah menurut Perlembagaan. Kertas kerja ini saya muatkan di dalam Bab 2. Walaupun telah terdapat banyak tulisan mengenai tajuk ini, namun, kertas kerja ini menonjolkan beberapa isu dan cadangan. Pertama, berkaitan kedudukan mahkamah Syariah berbanding mahkamah sivil dalam dua sistem mahkamah yang diamalkan di negara ini. Kedua, perkara-perkara berkaitan pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah, termasuk peruntukan bidang kuasa mahkamah Syariah dan kedudukan peguam negara berkaitan penyiasatan dan pendakwaan di mahkamah Syariah. Farid juga menyebut mengenai beberapa perkara yang perlu diambil perhatian, iaitu isu berkaitan kebebasan mahkamah Syariah dan kuasa Badan Perundangan Negeri. Tidak ketinggalan Farid menyentuh mengenai isu hak asasi dalam pelaksanaan undang-undang jenayah Syariah. Saya percaya, perkara ini di serlahkan bagi semua peserta seminar khususnya dan pembaca umumnya menyedari mengenai halangan-halangan dan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh penguat kuasa agama, terutamanya dalam melaksanakan undang-undang berkaitan kemoralan.

Bab 3 diisi dengan tulisan YA Dato' Haji Mohamad Asri, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah. Tulisan bertajuk Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah: Amalan Masa Kini ini pada permulaannya menjelaskan teori dan tujuan hukuman dari perspektif Syariah. Setelah itu, amalan berkaitan undang-undang jenayah Syariah beberapa negara Islam telah disebut secara sepintas lalu bagi memberi gambaran mengenai kedudukan undang-undang tersebut. YA menyuarakan harapan agar mahkamah Syariah diberikan peluang untuk mengendalikan kes-kes jenayah Islam, seperti hudud, qisas dan diyat mengikut sebagaimana di iktiraf Syariah. Setelah lebih kurang 25 tahun usia pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah), maka ia telah menjadi keperluan untuk menambahbaik Akta tersebut dengan meninggikan lagi tahap hukuman yang boleh dikenakan oleh mahkamah Syariah. Beliau juga menyeru seluruh masyarakat Islam untuk memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan hukuman yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t.

Kertas kerja yang telah dibentangkan oleh Profesor Madya Dr. Nasimah Hussin, dari Jabatan Undang-Undang Islam, AIKOL, mengisi Bab 4. Profesor Madya Dr. Nasimah Hussin merupakan pakar di dalam bidang undang-undang jenayah Syariah. Tulisan beliau di dalam Bab ini berkaitan Isu-Isu Terkini Kesalahan-Kesalahan Jenayah di Mahkamah Syariah. Bab ini menampilkan beberapa perkara berkaitan kesalahan liwat, qazaf, khalwat, perbuatan tidak sopan di tempat awam, berjudi, tidak menunaikan solat jumaat, meminum minuman yang memabukkan dan pondan. Pembentang telah memberi pelbagai rumusan dan cadangan dari perspektif akademik bagi membantu mereka yang terlibat secara langsung dalam penggubalan undang-undang dan pelaksanaan undang-undang, seperti penguat kuasa, pendakwa dan mahkamah Syariah sendiri.

Perlu saya sebut di sini bahawa ada sedikit pengulangan perbincangan di dalam bab-bab yang ditulis oleh Dr. Farid Sufian, YAA Datuk Mohamad Asri dan Dr. Nasimah Husin mengenai bidang kuasa jenayah mahkamah syariah di Malaysia. Sebagai penyunting, saya kekalkan sahaja tulisan asal mereka sebagai panduan kepada pembaca mengenai keserasian pendapat di kalangan pakar-pakar di dalam bidang berkaitan. Ulasan dan cadangan yang dikemukakan kesemuanya mempunyai nada dan prinsip yang sama, iaitu, bidang kuasa berkaitan hukuman yang boleh dikenakan oleh mahkamah syariah perlukan penambahbaikan.

Di dalam Bab 5 saya mengupas mengenai penguatkuasaan jenayah dari perspektif perundangan. Saya membincangkan falsafah asas di dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah. Ini merangkum peranan yang perlu dimainkan oleh masyarakat di dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah. Antara persoalan yang saya kemukakan ialah, adakah peruntukan prosedur jenayah yang ada sekarang boleh menyumbang ke arah keberkesanan pelaksanaan jenayah Syariah dan seterusnya memperkasa pentadbiran keadilan.

Tuan Haji Sakeria Samela, yang merupakan Ketua Pendakwa Syarie, Majlis Agama Islam Negeri Sabah, membincangkan mengenai amalan pendakwaan di mahkamah Syariai. Walaupun perbincangan di dalam bab ini merujuk kepada amalan di negeri Sabah, pada keseluruhannya ia juga merupakan amalan di negeri-negeri lain. Ini kerana dasar pendakwaan di seluruh Malaysia adalah lebih kurang sama sahaja. Perbincangan di dalam bab ini memberi penekanan kepada kuasa dan tanggungjawab yang dipikul oleh pihak pendakwa Syariah. Ia juga menjelaskan mengenai tindakan yang betul dan perlu diambil oleh para pendakwa sebelum dan semasa pendakwaan. Antara lain, Tuan Haji Sakeria menyebut bahawa seorang pendakwa harus sentiasa memastikan mereka mempunyai cukup keterangan sebelum meneruskan pendakwaan. Ini penting kerana proses pendakwaan bukan sahaja melibatkan kos kewangan, tetapi yang lebih serius, ia melibatkan maruah orang yang dituduh.

Penolong Profesor Dr. Zulfakar Ramlee, pensyarah di Jabatan Undang-Undang Islam, AIKOL, yang juga seorang pakar di dalam undang-undang keterangan Islam, meyorot peranan keterangan forensik dalam perbicaraan kes-kes jenayah Syariah di dalam Bab 6. DrBeliau menegaskan bahawa, kedudukan sains di dalam agama Islam adalah begitu jelas sekali. Oleh yang demikian, keterangan forensik, seperti ujian DNA, boleh dijadikan hujah keterangan yang perlu diterima pakai di dalam mahkamah Syariah dalam perkembangan sains dan teknologi masa kini.

Saya akhiri suntingan ini dengan Bab penutup.